



24 November 2014  
24 November 2014  
P.U. (A) 315

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PELINDUNG  
(LANGKAH PERLINDUNGAN)  
(PERJANJIAN PERKONGSIAN EKONOMI KOMPREHENSIF  
ANTARA JEPUN DAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA  
PERTUBUHAN BAGI NEGARA-NEGARA ASIA TENGGARA)  
2014

*SAFEGUARDS (SAFEGUARD MEASURE)  
(AGREEMENT ON COMPREHENSIVE ECONOMIC  
PARTNERSHIP AMONG JAPAN AND MEMBER STATES OF  
THE ASSOCIATION OF SOUTHEAST ASIAN NATIONS)  
REGULATIONS 2014*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PELINDUNG 2006

PERATURAN-PERATURAN PELINDUNG (LANGKAH PERLINDUNGAN)  
(PERJANJIAN PERKONGSIAN EKONOMI KOMPREHENSIF ANTARA JEPUN DAN  
NEGARA-NEGARA ANGGOTA PERTUBUHAN BAGI NEGARA-NEGARA ASIA TENGGARA)  
2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 40A(2) Akta Pelindung 2006 [Akta 657], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pelindung (Langkah Perlindungan) (Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif antara Jepun dan Negara-Negara Anggota Pertubuhan bagi Negara-Negara Asia Tenggara) 2014.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2014.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“AJCEP” ertinya Perkongsian Ekonomi Komprehensif ASEAN antara Jepun dan ASEAN;

“MFN” ertinya negara keutamaan;

“Perjanjian” ertinya Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif antara Jepun dan Negara-Negara Anggota Pertubuhan bagi Negara-Negara Asia Tenggara yang ditandatangani pada 14 April 2008 di Kuala Lumpur, Malaysia;

“Pihak” ertinya suatu pihak kepada Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif antara Jepun dan Negara-Negara Anggota Pertubuhan bagi Negara-Negara Asia Tenggara yang secara individu merujuk kepada Jepun atau Negara-Negara Anggota Pertubuhan bagi Negara-Negara Asia Tenggara;

“Pihak-Pihak” ertinya pihak-pihak kepada Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif antara Jepun dan Negara-Negara Anggota Pertubuhan bagi Negara-Negara Asia Tenggara.

**Objektif**

3. Objektif Peraturan-Peraturan ini adalah untuk melaksanakan peruntukan mengenai langkah perlindungan di bawah Perjanjian.

**Langkah perlindungan**

4. Penganan langkah perlindungan berhubung dengan peningkatan import barangan dari negara Jepun dan Negara-Negara Anggota Pertubuhan bagi Negara-Negara Asia Tenggara yang telah menyebabkan atau mengancam untuk menyebabkan kemudaratan yang serius terhadap industri dalam negeri adalah tertakluk kepada peruntukan Jadual.

JADUAL

[Peraturan 4]

Langkah Perlindungan

(Perkara 20 Perjanjian)

1. Suatu Pihak yang merupakan anggota *World Trade Organization* boleh mengenakan langkah perlindungan ke atas barangan yang berasal dari Pihak-Pihak lain mengikut Perkara XIX GATT 1994 dan Perjanjian tentang Pelindung dalam Lampiran 1A kepada Perjanjian WTO (selepas ini dirujuk sebagai “Perjanjian tentang Pelindung”), atau Perkara 5 Perjanjian tentang Pertanian dalam Lampiran 1A kepada Perjanjian WTO (selepas ini dirujuk sebagai “Perjanjian tentang Pertanian”). Apa-apa tindakan yang diambil menurut Artikel XIX GATT 1994 dan Perjanjian tentang Pelindung, atau Perkara 5 Perjanjian tentang Pertanian tidaklah tertakluk kepada Bab 9 Perjanjian ini.

2. Setiap Pihak hendaklah bebas untuk mengenakan langkah perlindungan yang diperuntukkan di bawah Perkara ini (selepas ini dirujuk sebagai “langkah perlindungan AJCEP”), setakat yang perlu bagi mengelakkan atau untuk menangani kemudaratan serius kepada sesuatu industri domestik Pihak itu dan bagi memudahkan pelarasan, sekiranya sebagai kesan obligasi yang ditanggung oleh Pihak itu di bawah perjanjian ini, termasuk konsesi tarif, atau sekiranya sebagai kesan pembangunan yang tidak dijangka dan kesan obligasi yang ditanggung oleh Pihak itu di bawah Perjanjian ini, barangan asal Pihak-Pihak lain diimport dalam kuantiti yang meningkat, secara mutlak atau relatif kepada pengeluaran dalam negeri, dan di bawah apa-apa keadaan yang akan menyebabkan atau mengancam untuk menyebabkan kemudaratan serius kepada industri dalam negeri Pihak pengimport yang mengeluarkan barangan serupa atau yang bersaing secara langsung.

3. Suatu langkah perlindungan AJCEP tidak boleh dikenakan terhadap suatu barangan yang berasal dari suatu negara yang merupakan negara anggota Pertubuhan bagi Negara-Negara Asia Tenggara, selagi bahagian import barangan berkenaan dalam Pihak yang mengimport tidak melebihi tiga (3) peratus jumlah import dari Pihak-Pihak yang lain, dengan syarat bahawa Pihak-Pihak dengan bahagian import yang kurang daripada tiga (3) peratus secara kolektifnya menanggung tidak lebih daripada sembilan (9) peratus jumlah import barangan itu dari Pihak-Pihak lain.

4. Suatu Pihak tidak boleh mengenakan langkah perlindungan AJCEP ke atas barangan asal yang telah diimport sehingga had kuantiti kuota yang diberikan di bawah kuota kadar tariff yang dikenakan mengikut jadual tarif dalam Lampiran 1.

5. Suatu Pihak yang mengenakan langkah perlindungan AJCEP boleh:

- (a) menangguhkan pengurangan lanjut apa-apa kadar duti kastam terhadap barangan yang berasal dari Pihak-Pihak lain yang diperuntukkan di bawah Bab ini; atau

- (b) menaikkan kadar duti kastam barangan yang berasal dari Pihak-Pihak lain ke satu tahap tidak melebihi kadar yang paling kurang:
  - (i) kadar negara keutamaan yang dikenakan (selepas ini disebut sebagai “kadar MFN yang dikenakan”) ke atas barangan itu yang terpakai pada hari yang langkah perlindungan AJCEP dikenakan; dan
  - (ii) kadar negara keutamaan yang dikenakan ke atas barangan itu yang terpakai pada hari sebaik sebelum tarikh kuat kuasa Perjanjian ini menurut perenggan 1 Perkara 79.
- 6. (a) Suatu Pihak bolehlah mengenakan langkah perlindungan AJCEP hanya selepas suatu penyiasatan telah dilakukan oleh pihak berkuasa kompeten Pihak itu mengikut prosedur yang sama sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 3 dan perenggan 2 Perkara 4 Perjanjian tentang Pelindung.
- (b) Penyiasatan yang dirujuk dalam subperenggan (a) hendaklah diselesaikan dalam masa satu (1) tahun mulai dari tarikh permulaan penyiasatan.
- 7. Syarat dan had yang berikut hendaklah dikenakan berkenaan dengan langkah perlindungan AJCEP:
  - (a) Suatu Pihak hendaklah dengan serta-merta memberi notis bertulis kepada Pihak-Pihak lain, apabila:
    - (i) memulakan penyiasatan yang disebut di bawah subperenggan 6(a) yang berhubungan dengan kemudaratan serius, atau ancaman kemudaratan serius, dan alasan baginya;

- (ii) membuat dapatan mengenai kemudaratan serius atau ancaman kemudaratan serius yang disebabkan oleh kenaikan import; dan
  - (iii) mengambil keputusan untuk mengenakan atau melanjutkan langkah perlindungan AJCEP.
- (b) Pihak yang memberikan notis bertulis yang disebut dalam subperenggan (a) hendaklah mengadakan untuk Pihak-Pihak lain maklumat yang penting, hendaklah termasuk:
- (i) dalam notis bertulis yang dirujuk dalam subperenggan (a)(i), alasan bagi permulaan penyiasatan, suatu perihal yang tepat mengenai suatu barangan asal itu tertakluk kepada penyiasatan dan kepala atau subkepala di bawah Sistem Berharmoni, yang menjadi asas bagi Jadual dalam Lampiran 1, tempoh yang tertakluk kepada penyiasatan dan tarikh permulaan penyiasatan; dan
  - (ii) dalam notis bertulis yang disebut dalam subperenggan (a)(ii) dan (iii), bukti kemudaratan serius dan ancaman kemudaratan serius yang disebabkan oleh kenaikan import barangan asal, satu perihalan lengkap mengenai barangan asal itu tertakluk kepada cadangan langkah perlindungan dan kepala atau subkepala di bawah Sistem Berharmoni, yang menjadi asas bagi Jadual dalam Lampiran 1, suatu perihal lengkap mengenai langkah perlindungan AJCEP, cadangan tarikh langkah perlindungan yang dikenakan dan tempoh yang dijangkakan bagi pelaksanaannya.

- (c) Suatu Pihak yang bercadang untuk mengenakan atau melanjutkan langkah perlindungan AJCEP hendaklah menyediakan peluang yang cukup bagi perundingan awal dengan Pihak-Pihak yang akan terjejas oleh langkah perlindungan AJCEP dengan tujuan untuk menyemak semula maklumat yang diberikan di bawah yang disebut dalam subperenggan (a), bertukar pandangan mengenai langkah perlindungan AJCEP dan mencapai persetujuan mengenai ganti rugi seperti yang dinyatakan dalam perenggan 8.
- (d) Tiada langkah perlindungan AJCEP boleh dikekalkan kecuali sehingga setakat dan bagi masa sebagaimana tempoh yang perlu bagi mengelakkan atau untuk menangani kemudaratan serius dan bagi memudahkan pelarasan, dengan syarat bahawa masa itu hendaklah tidak lebih dari tempoh tiga (3) tahun. Suatu langkah perlindungan AJCEP boleh dilanjutkan, dengan syarat bahawa syarat yang dinyatakan dalam Perkara ini dipenuhi. Jangka masa keseluruhan langkah perlindungan AJCEP, termasuk apa-apa pelanjutan, hendaklah tidak lebih dari empat (4) tahun. Bagi tujuan memudahkan pelarasan dalam situasi yang tempoh yang dijangka bagi langkah perlindungan AJCEP melebihi satu (1) tahun, Pihak yang mengekalkan langkah perlindungan AJCEP itu hendaklah melonggarkan secara berperingkat-peringkat langkah perlindungan AJCEP pada jarak waktu tetap semasa tempoh masa pengenaan.
- (e) Tiada langkah perlindungan AJCEP boleh dikenakan sekali lagi ke atas import barangan asal tertentu yang tertakluk kepada langkah perlindungan AJCEP bagi tempoh masa sama dengan jangka masa langkah perlindungan sebelumnya atau satu (1) tahun, yang mana lebih lama.
- (f) Apabila satu langkah perlindungan AJCEP bagi suatu barangan ditamatkan, kadar duti kastam bagi barangan itu hendaklah kadar yang mengikut Jadual Pihak yang mengenakan langkah perlindungan AJCEP yang dinyatakan dalam Lampiran 1, sepatutnya terpakai seolah-olah langkah perlindungan AJCEP itu tidak dikenakan.

8. (a) Pihak yang bercadang untuk mengenakan atau melanjutkan langkah perlindungan AJCEP hendaklah menyediakan kepada Pihak lain cara ganti rugi perdagangan yang mencukupi yang telah dipersetujui bersama dalam bentuk konsesi setaraf yang substantif atau obligasi lain yang wujud di bawah Perjanjian ini antara Pihak yang mengenakan langkah perlindungan AJCEP dan Pihak-Pihak pengeksport yang akan terjejas oleh penganan langkah itu.
- (b) Dalam mendapatkan ganti rugi di bawah subperenggan (a), Pihak-Pihak hendaklah mengadakan perundingan dalam Jawatankuasa Bersama. Apa-apa prosiding berbangkit daripada perundingan itu hendaklah diselesaikan dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh langkah perlindungan AJCEP itu telah dikenakan.
- (c) Sekiranya tiada persetujuan mengenai ganti rugi dalam tempoh masa yang dinyatakan dalam subperenggan (b), Pihak-Pihak selain Pihak yang mengenakan langkah perlindungan AJCEP itu hendaklah bebas untuk menanggungkan konsesi duti kastam di bawah Perjanjian ini, yang setaraf yang substantif dengan langkah perlindungan AJCEP, ke atas barangan asal Pihak yang mengenakan langkah perlindungan AJCEP itu. Pihak-Pihak boleh menanggungkan konsesi hanya bagi tempoh minimum yang perlu untuk mencapai kesan setaraf yang substantif dan hanya semasa tempoh pelaksanaan langkah perlindungan AJCEP itu. Hak penanggungkan yang diperuntukkan dalam subperenggan ini tidak boleh dilaksanakan dalam tempoh dua (2) tahun pertama pelaksanaan langkah perlindungan AJCEP itu, dengan syarat bahawa langkah perlindungan AJCEP itu telah dikenakan sebagai kesan peningkatan mutlak import dan bahawa langkah perlindungan itu dilaksanakan mengikut peruntukan Perkara ini.

9. (a) Pihak yang mengenakan langkah perlindungan berkaitan pengimportan barangan asal Pihak yang lain mengikut Artikel XIX GATT 1994 dan Perjanjian Pelindung, atau Perkara 5 Perjanjian Pertanian, tidak boleh mengenakan langkah perlindungan AJCEP kepada pengimportan itu.
- (b) Tempoh penganan langkah perlindungan AJCEP yang disebut dalam subperenggan 7(d) hendaklah tidak diganggu oleh ketidakpakaian langkah perlindungan AJCEP oleh Pihak mengikut subperenggan (a).
10. (a) Dalam masa sepuluh (10) tahun selepas berkuatkuasanya Perjanjian ini menurut perenggan 1 Perkara 79, Pihak-Pihak hendaklah menyemak semula Perkara ini dengan tujuan untuk menentukan sama ada terdapatnya keperluan bagi mengekalkan mekanisme perlindungan AJCEP.
- (b) Sekiranya Pihak-Pihak tidak bersetuju untuk mengeluarkan mekanisme perlindungan AJCEP semasa semakan semula menurut subperenggan (a), Pihak-Pihak hendaklah kemudiannya membuat kajian semula untuk menentukan keperluan mekanisme perlindungan AJCEP, selaras dengan kajian semula am menurut Perkara 75.
11. (a) Dalam keadaan kritikal, jika kelewatan akan mengakibatkan kerosakan yang sukar untuk dibaiki, suatu Pihak boleh mengambil langkah perlindungan AJCEP sementara, dalam bentuk langkah yang diperuntukkan dalam subperenggan 5(a) atau 5(b), menurut penentuan awal bahawa ada bukti yang jelas bahawa peningkatan import barangan asal telah menyebabkan atau mengancam untuk menyebabkan kemudaratan serius kepada industri dalam negeri.

- (b) Suatu Pihak hendaklah memberikan notis bertulis kepada Pihak-Pihak lain sebelum mengenakan langkah perlindungan AJCEP sementara. Perundingan oleh Pihak-Pihak dalam Jawatankuasa Bersama mengenai pengenaan langkah perlindungan AJCEP sementara hendaklah dimulakan serta-merta selepas langkah perlindungan AJCEP sementara dikenakan.
- (c) Jangka masa langkah perlindungan AJCEP sementara itu hendaklah tidak melebihi Dua ratus (200) hari. Semasa tempoh itu, kehendak penting perenggan 6 hendaklah dipenuhi. Jangka masa langkah perlindungan AJCEP sementara hendaklah dikira sebagai sebahagian daripada tempoh masa yang dirujuk dalam subperenggan 7(d).
- (d) Perenggan 3 dan subperenggan 7(f) hendaklah terpakai secara, *mutatis mutandis*, bagi langkah perlindungan AJCEP sementara.
- (e) Duti kastam yang dikenakan sebagai kesan langkah perlindungan AJCEP sementara hendaklah dikembalikan sekiranya penyiasatan seterusnya yang disebut dalam subperenggan 6(a) tidak menentukan bahawa peningkatan import barangan asal itu telah menyebabkan atau mengancam untuk menyebabkan kemudaratan serius kepada industri dalam negeri.

12. Semua komunikasi dan dokumentasi rasmi yang ditukarkan antara Pihak-Pihak berhubungan dengan langkah perlindungan AJCEP hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah dalam bahasa Inggeris.

Dibuat 6 November 2014  
[MITI:ID/AP/(S)/SG/1; PN(PU2)647/II]

DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
*Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri*

SAFEGUARDS ACT 2006

SAFEGUARDS (SAFEGUARD MEASURE) (AGREEMENT ON COMPREHENSIVE ECONOMIC PARTNERSHIP AMONG JAPAN AND MEMBER STATES OF THE ASSOCIATION OF SOUTHEAST ASIAN NATIONS) REGULATIONS 2014

IN exercise of the powers conferred by section 40A(2) of the Safeguards Act 2006 [Act 657], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Safeguards (Safeguard Measure) (Agreement on Comprehensive Economic Partnership among Japan and Member States of the Association of Southeast Asian Nations) Regulations 2014**.

(2) These Regulations come into operation on 1 December 2014.

**Interpretation**

2. In these Regulations—

“AJCEP” means the Comprehensive Economic Partnership among Japan and ASEAN;

“MFN” means most-favoured-nation;

“Agreement” means the Agreement on Comprehensive Economic Partnership among Japan and Member States of the Association of Southeast Asian Nations signed on 14 April 2008 at Kuala Lumpur, Malaysia;

“Party” means a party to the Agreement on Comprehensive Economic Partnership among Japan and Member States of the Association of Southeast Asian Nations individually referring to Japan or a Member State of the Association of Southeast Asian Nations;

“Parties” means the parties to the Agreement on Comprehensive Economic Partnership among Japan and Member States of the Association of Southeast Asian Nations.

**Objective**

3. The objective of these Regulations is to implement the provisions on the safeguard measure under the Agreement.

**Safeguard Measure**

4. The application of the safeguard measure in relation to the increased imports of the product imported from Japan and Member State of the Association of Southeast Asian Nations which have caused or threaten to cause serious injury to the domestic industry is subject to the provisions of the Schedule.

SCHEDULE

[Regulation 4]

Safeguard Measures

(Article 20 of the Agreement)

1. A Party which is a member of the World Trade Organization may apply a safeguard measure to an originating good of the other Parties in accordance with Article XIX of GATT 1994 and the Agreement on Safeguards in Annex 1A to the WTO Agreement (hereinafter referred to as “the Agreement on Safeguards”), or Article 5 of the Agreement on Agriculture in Annex 1A to the WTO Agreement (hereinafter referred to as “Agreement on Agriculture”). Any action taken pursuant to Article XIX of GATT 1994 and the Agreement on Safeguards, or Article 5 of the Agreement on Agriculture shall not be subject to Chapter 9 of this Agreement.

2. Each Party shall be free to apply a safeguard measure provided for under this Article (hereinafter referred to as “an AJCEP safeguard measure”), to the minimum extent necessary to prevent or remedy the serious injury to a domestic industry of that Party and to facilitate adjustment, if as an effect of the obligations incurred by that Party under this Agreement, including tariff concessions, or if as a result of unforeseen

developments and of the effects of the obligations incurred by that Party under this Agreement, an originating good of the other Parties is being imported in such increased quantities, in absolute terms or relative to domestic production, and under such conditions as to cause or threaten to cause serious injury to the domestic industry of the importing Party that produces like or directly competitive goods in the importing Party.

3. An AJCEP safeguard measure shall not be applied against an originating good of a Party which is an ASEAN Member State, as long as its share of imports of the good concerned in the importing Party does not exceed three (3) per cent of the total imports from the other Parties, provided that those Parties with less than three (3) per cent import share collectively account for not more than nine (9) per cent of total imports of the good concerned from the other Parties.

4. A Party shall not apply an AJCEP safeguard measure to an originating good imported up to the limit of quota quantities granted under tariff rate quotas applied in accordance with its Schedule in Annex 1.

5. A Party applying an AJCEP safeguard measure may:

- (a) suspend the further reduction of any customs duty on the originating good of the other Parties provided for under this Chapter; or
- (b) increase the customs duty on the originating good of the other Parties to a level not to exceed the lesser of:
  - (i) the applied most-favoured-nation rate (hereinafter referred to as “applied MFN rate”) on the good in effect on the day when the AJCEP safeguard measure is applied; and
  - (ii) the applied MFN rate on the good in effect on the day immediately preceding the date of entry into force of this Agreement pursuant to paragraph 1 of Article 79.

6. (a) A Party may apply an AJCEP safeguard measure only after an investigation has been carried out by the competent authorities of that Party in accordance with the same procedures as those provided for in Article 3 and paragraph 2 of Article 4 of the Agreement on Safeguards.
  - (b) The investigation referred to in subparagraph (a) shall be completed within one (1) year following its date of initiation.
7. The following conditions and limitations shall apply with regard to an AJCEP safeguard measure:
- (a) A Party shall immediately give a written notice to the other Parties upon:
    - (i) initiating an investigation referred to in subparagraph 6(a) relating to serious injury, or threat of serious injury, and the reasons for it;
    - (ii) making a finding of serious injury or threat of serious injury caused by increased imports; and
    - (iii) taking a decision to apply or extend an AJCEP safeguard measure.
  - (b) The Party giving the written notice referred to in subparagraph (a) shall provide the other Parties with all pertinent information, which shall include:
    - (i) in the written notice referred to in subparagraph (a)(i), the reason for the initiation of the investigation, a precise description of an originating good subject to the investigation and its heading or subheading of the Harmonized System, on which the Schedules in Annex 1 are based, the period subject to the investigation and the date of initiation of the investigation; and

- (ii) in the written notice referred to in subparagraphs (a)(ii) and (iii), the evidence of serious injury or threat of serious injury caused by the increased imports of the originating good, a precise description of the originating good subject to the proposed safeguard measure and its heading or subheading of the Harmonized System, on which the Schedules in Annex 1 are based, a precise description of the AJCEP safeguard measure, the proposed date of its introduction and its expected duration.
- (c) A Party proposing to apply or extend an AJCEP safeguard measure shall provide adequate opportunity for prior consultations with those Parties which would be affected by the AJCEP safeguard measure with a view to reviewing the information arising from the investigation referred to in subparagraph (a), exchanging views on the AJCEP safeguard measure and reaching an agreement on compensation set out in paragraph 8.
- (d) No AJCEP safeguard measure shall be maintained except to the extent and for such time as may be necessary to prevent or remedy serious injury and to facilitate adjustment, provided that such time shall not exceed a period of three (3) years. An AJCEP safeguard measure may be extended, provided that the conditions set out in this Article are met. The total duration of the AJCEP safeguard measure, including any extensions thereof, shall not exceed four (4) years. In order to facilitate adjustment in a situation where the expected duration of an AJCEP safeguard measure is over one (1) year, the Party maintaining the AJCEP safeguard measure shall progressively liberalise the AJCEP safeguard measure at regular intervals during the period of application.
- (e) No AJCEP safeguard measure shall be applied again to the import of a particular originating good which has been subject to such an AJCEP safeguard measure, for a period of time equal to the duration of the previous safeguard measure or one (1) year, whichever is longer.

- (f) Upon the termination of an AJCEP safeguard measure on a good, the rate of the customs duty for that good shall be the rate that, in accordance with the Schedule of the Party applying the AJCEP safeguard measure set out in Annex 1, would have been in effect had the AJCEP safeguard measure not been applied.
8. (a) A Party proposing to apply or extend an AJCEP safeguard measure shall provide to the other Parties mutually agreed adequate means of trade compensation in the form of substantially equivalent level of concessions or other obligations to that existing under this Agreement between the Party applying the AJCEP safeguard measure and the exporting Parties which would be affected by such a measure.
- (b) In seeking compensation provided for in subparagraph (a), the Parties shall hold consultations in the Joint Committee. Any proceedings arising from such consultations shall be completed within thirty (30) days from the date on which the AJCEP safeguard measure was applied.
- (c) If no agreement on the compensation is reached within the time frame specified in subparagraph (b), the Parties other than the one applying the AJCEP safeguard measure shall be free to suspend concessions of customs duties under this Agreement, which is substantially equivalent to the AJCEP safeguard measure, on originating goods of the Party applying the AJCEP safeguard measure. The Parties may suspend the concessions only for the minimum period necessary to achieve the substantially equivalent effects and only while the AJCEP safeguard measure is maintained. The right of suspension provided for in this subparagraph shall not be exercised for the first two (2) years that an AJCEP safeguard measure is in effect, provided that the AJCEP safeguard measure has been applied as a result of an absolute increase in imports and that such an AJCEP safeguard measure conforms to the provisions of this Article.

9. (a) A Party applying a safeguard measure in connection with an importation of an originating good of another Party in accordance with Article XIX of GATT 1994 and the Agreement on Safeguards, or Article 5 of the Agreement on Agriculture, shall not apply the AJCEP safeguard measure to that importation.
- (b) The period of application of the AJCEP safeguard measure referred to in subparagraph 7(d) shall not be interrupted by the Party's non-application of the AJCEP safeguard measure in accordance with subparagraph (a).
10. (a) Within ten (10) years after the entry into force of this Agreement pursuant to paragraph 1 of Article 79, the Parties shall review this Article with a view to determining whether there is a need to maintain the AJCEP safeguard mechanism.
- (b) If the Parties do not agree to remove the AJCEP safeguard mechanism during the review pursuant to subparagraph (a), the Parties shall thereafter conduct reviews to determine the necessity of the AJCEP safeguard mechanism, in conjunction with the general review pursuant to Article 75.
11. (a) In critical circumstances, where delay would cause damage which it would be difficult to repair, a Party may apply a provisional AJCEP safeguard measure, which shall take the form of the measure set out in subparagraph 5(a) or 5(b), pursuant to a preliminary determination that there is clear evidence that increased imports of an originating good have caused or are threatening to cause serious injury to a domestic industry.
- (b) A Party shall give a written notice to the other Parties prior to applying a provisional AJCEP safeguard measure. Consultations by the Parties in the Joint Committee on the application of the provisional AJCEP safeguard measure shall be initiated immediately after the provisional AJCEP safeguard measure is applied.

- (c) The duration of a provisional AJCEP safeguard measure shall not exceed two hundred (200) days. During that period, the pertinent requirements of paragraph 6 shall be met. The duration of the provisional AJCEP safeguard measure shall be counted as a part of the period referred to in subparagraph 7(d).
- (d) Paragraph 3 and subparagraph 7(f) shall apply, *mutatis mutandis*, to the provisional AJCEP safeguard measure.
- (e) The customs duty imposed as a result of the provisional AJCEP safeguard measure shall be refunded if the subsequent investigation referred to in subparagraph 6(a) does not determine that increased imports of the originating good have caused or threatened to cause serious injury to a domestic industry.

12. All official communications and documentations exchanged among the Parties relating to an AJCEP safeguard measure shall be in writing and shall be in the English language.

Made 6 November 2014  
[MITI:ID/AP/(S)/SG/1; PN(PU2)647/II]

DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
*Minister of International Trade and Industry*